

والعصر

# Masa PELIHARALAH

**EDISI  
KEMASKINI**

“ Ada dua kenikmatan yang membuat  
kebanyakan manusia tertipu  
iaitu nikmat sihat dan waktu lapang ”  
*Hadith direkodkan oleh Imam Al-Bukhari*



**PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH :** Hj. Zainab Bt Hj. Sirat  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF:** Mohd Sabhi Wajdi bin Mat Asri  
**KETUA PEGAWAI OPERASI:** Muhammad Hashim bin Mohd Noor  
**KETUA PEGAWAI JUALAN:** Abdul Hasieb bin Azahari  
**PENGURUS JUALAN:** Nur Fatimah Atirah bt. Ghazali  
**PEMASARAN DAN JUALAN:** Mohd Firdaus bin Ahmad  
**TIMBALAN PENGURUS ADMIN DAN KEWANGAN:** Noor Hanani binti Munawer  
**KONSEP & GRAFIK:** Yuzairy bin Mohd Ayub & Nur Fatimah Atirah bt Ghazali  
**PENGURUS IT & INVENTORI:** Muhammad Zaffan bin Mohamad Suhaimi  
**EKSEKUTIF STOR DAN LOGISTIK:** Mohamad Osman bin Mohd Nor  
**PENULIS:** Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri

.....  
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan fotokopi dalam apa-apa bentuk dan cara sekalipun samada fotokopi, mekanikal, rakaman, elektronik atau cara-cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada PUSTAKA CAHAYA KASTURI.  
.....

## **MASA PELIHARALAH - Edisi Kemaskini**

@ Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri

• Cetakan Ketiga: Ogos 2023

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Zulkifli Mohamad al-Bakri, 1969-

Masa : PELIHARALAH / Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. - EDISI KEMASKINI. (Siri INSPIRASI HIDUP)

ISBN 978-967-2028-23-9

1. Time--Religious aspects--Islam.
  2. Time management--Religious aspects--Islam.
  3. Muslims--Conduct of life.
- I. Judul. II. Siri. 2975

.....  
Diterbitkan oleh:

**PUSTAKA CAHAYA KASTURI SDN BHD**

Lot 15211, Kampung Kubang,

Jalan Salak - Nilai, 71800 Nilai,

Negeri Sembilan.

HOTLINE : 013-733 3529

Emel : p.cahayakasturi@gmail.com

Laman Portal : www.pustakacahayakasturi.com.my

Dicetak oleh:

**FIRDAUS PRESS SDN BHD**

No. 28 Jalan PBS 14/4,

Taman Perindustrian Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan,

Selangor Darul Ehsan.

Tel/Faks : 03-8940 5595

Emel : onlineprint@gmail.com

siri  
**INSPIRASI**  
HIDUP

Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri

والعصر  
**Masa**  
**PELIHARALAH**

“ Ada dua kenikmatan yang membuat  
kebanyakan manusia tertipu  
iaitu nikmat sihat dan waktu lapang ”

*Hadith direkodkan oleh Imam Al-Bukhari*



1013915



# Isi KANDUNGAN

<b>MUKADIMAH</b>	vii
<hr/>	
<b>BAB 1 TAFSIR WA AL-ASR (DEMI MASA)</b>	
<hr/>	
• Tafsir Ayat 1 : Demi Masa	2
• Tafsir Ayat 2 : Manusia Dalam Kerugian	7
• Tafsir Ayat 3 : Kecuali Empat Golongan	10
<b>BAB 2 HADIS-HADIS BERKAITAN MASA</b>	
<hr/>	
• Hadis 1 : Dua Nikmat	15
• Hadis 2 : Rebutlah Lima Perkara	20
• Hadis 3 : Jadilah Seperti Orang Musafir	23
<b>BAB 3 KATA-KATA ULAMA' &amp; HUKAMA' BERKAITAN MASA</b>	
<hr/>	
• Ungkapan Ahli Tasawuf	27
• Mutiara Hikmah Imam Syafie	28
• Ungkapan Imam al-Hasan al-Basri	29
• Kata-kata Imam Fakhruddin al-Razi	31
<b>BAB 4 PESANAN &amp; WASIAT IMAM HASSAN AL-BANNA</b>	33
<hr/>	
<b>BAB 5 KISAH ULAMA' YANG MEMELIHARA MASA</b>	
<hr/>	
• Imam Jaafar bin Muhammad	60
• Imam Syafi'i Rahimahullah	61
• Syeikh Zakaria al-Ansari	61
• Imam al-Nawawi	62
• al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani	64

## **BAB 6** KISAH ULAMA' MEMBACA, BERZIKIR DAN BERKARYA

---

- **Mereka yang Rajin Membaca** 67
  - Cerita Fudhail bin 'Iyad 67
  - Daud al-Tha'i 68
  - Al-Faqih Ibn al-Rifa'ah 68
- **Mereka yang Rajin Berzikir** 69
  - Usman al-Baqlawi 69
  - Imam Sulaim ar-Razi 70
- **Mereka Yang Rajin Berkarya** 71
  - Imam Abdul Hayy al-Laknawi 71
  - Syeikh Jamaluddin al-Qasimi 72
  - Syeikh Ashraf Ali al-Tahanawi 74
  - Imam Ibn Jarir al-Tabari 74
  - Imam Ibn Asakir 75
  - Ibnu Abi al-Dunya 76
  - Ibnu Syahin 76
- **Al-Hakim al-Naisaburi** 77
- **Imam Abu Hasan al-Asyari** 77
- **Mereka yang Banyak Khatam al-Quran** 78
  - Salafus Soleh 78

## **BAB 7** KISAH TOKOH YANG MEMELIHARA MASA

---

- Benjamin Franklin 83
- Dwight D. Eisenhower 84
- Peter F. Drucker 86
- Francesco Cirillo 86
- Brian Tracy 88
- Richard Branson 88
- Alain de Botton 89

• Daymond John	89
• Jack Ma	90

## **BAB 8 TUN DR. MAHATHIR & PENJAGAAN MASA**

---

• Dibesarkan Dengan Disiplin Menjaga Masa Sejak Dari Kecil	98
• Memperkenalkan Kad Perakam Waktu	99
• <i>'No Saddiq, you were 7 minutes late!'</i>	101
• Teliti Dokumen Sehingga Awal Pagi	102
• Percepatkan Waktu Jam Tangan	103
• Sentiasa Bawa Buku Catatan dan Pen	104
• Sentiasa Memenuhi Masanya	105
• Nasihat Pedas Tun Dr. Mahathir	106
• Tun Dr. Mahathir dan Tun Siti Hasmah di Langkawi	107

## **BAB 9 PELIHARALAH MASA & ISUNYA**

---

• Demi Masa	109
• Permulaan Pembaziran Masa	116
• Kerja Tapi Tak Kerja	120
• Tiada Perancangan	122
• Tidak Fokus	124
• Rasa Banyak Kerja	126
• Kerja Tapi Banyak Cakap	128

## **BAB 10 PILIHLAH JALAN YANG PALING BAIK**

---

• Dua Watak Manusia yang Amat Jauh Bezanya	127
• Tepuk Dada Tanyalah Diri	138
• Beberapa Nasihat	139
• Rasulullah SAW dan Masa	141
• Mengakhlakkan Manusia	146

<b>PENUTUP</b>	151
<b>BIBLIOGRAFI</b>	155



**"Kalau aku pernah sepuluh kali  
tidak ada satu pun yang tidak  
tepat." Ini menunjukkan betapa  
Imam Syafie seorang yang  
benar-benar fokus, *aim*  
dan *target*!**

والعصر  
**Masa**  
PELIHARALAH



## *Mukadimah*

**A**lhamdulillah, segala puji dan syukur kami rafakkan kepadanya kerana dengan izinnnya maka buku yang kedua berkenaan masa dapat diterbitkan. Ini selepas hampir 12 tahun terbitnya buku *Demi Masa*. Maka pada kali ini, kami tampilkan buku ini dengan 'Masa: Peliharalah'.

.....

Buku ini merupakan edisi kemaskini dan penambahan maklumat agar ianya lebih tersusun dan sesuai untuk khalayak pembaca.

Kami maksudkan dengan peliharalah di sini ialah dengan menggunakan masa pada perkara-perkara yang bermanfaat, dan pada perkara yang mendatangkan pahala, dengan melakukan kebaikan sebanyak mungkin.

Masa juga boleh menjadikan sesebuah masyarakat dan negara menjadi maju serta terkehadapan dengan pembangunan high technology untuk menjadi kuasa besar dunia. Justeru, penyusunan masa dan kualiti masa perlu wujud dalam diri setiap individu terutamanya bagi mereka yang ditaklifkan untuk memegang amanah dan

tanggungjawab. Bacalah sejarah sesebuah tamadun dan juga setiap peribadi yang unggul dan cemerlang sudah pasti kita akan mendapati mereka begitu jelas terkehadapan dalam memaksimumkan penggunaan masa dan memanfaatkannya seupaya mungkin.



Cerdik pandai berkata: **‘Anda boleh beli jam yang mahal, tetapi anda tidak akan mampu membeli masa.’**


Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan kepada al-Fadhil Ustaz Abdul Rahman Abd Kodir yang banyak membantu kami untuk menyiapkan buku yang cukup bermakna ini. Semoga buku yang kami tujukkan **‘Masa: Peliharalah’** ini akan memberi suntikan semangat, motivasi dan inspirasi dalam kehidupan ini.


*Akhukum fillah,*

**Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri**

7 September 2021, 4.30pm di Maktabah al-Bakri







## Bab 1

### TAFSIR WA AL-ASR (DEMI MASA)

**K**ami sekali lagi ingin menafsirkan berkenaan kandungan ayat-ayat daripada Surah al-Asr ini. Firman Allah SWT:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَالْعَصْرِ ① إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ② إِلَّا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا  
بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ③

**Maksudnya:** "Demi masa. Sesungguhnya manusia sentiasa dalam kerugian. Melainkan orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Juga saling nasihat-menasihati kepada kebenaran dan saling nasihat-menasihati kepada kesabaran."

(Surah al-Asr:1-3)

## Tafsir Ayat 1

Imam al-Tabari ketika menafsirkan ayat pertama dari surah al-'Asr ini berkata:

إن ربنا أقسم بالعصر ( وَالْعَصْرِ ) اسم للدهر، وهو العشيّ والليل والنهار، ولم يخص مما شمله هذا الاسم معنى دون معنى، فكلّ ما لزمه هذا الاسم، فداخل فيما أقسم به جلّ ثناؤه.

**Maksudnya:** "Tuhan kita bersumpah dengan *al-'ashr* sementara makna *al-'asr* adalah sebutan masa iaitu senja, malam dan siang dan tidak dikhususkan dengan salah satu maknanya dan mengesampingkan makna yang lainnya. Jadi semua boleh disebut dengan sebutan ini dan tercakup dalam sumpah Allah SWT tersebut. (Rujuk **Tafsir al-Tabari**, 24/589).

Ibnu Kathir dalam kitab tafsirnya (1/319) menaqalkan pandangan Imam al-Syafie Rahimahullah yang berkata:

## لَوْ تَدَبَّرَ النَّاسُ هَذِهِ السُّورَةَ لَكَفَّتْهُمْ

**Maksudnya:** “Sekiranya manusia mentadabbur (apa yang terkandung dalam) surah ini (al-Asr), nescaya sudah memadai bagi mereka.”

Imam al-Syaukani pula menyebut:

أقسم سبحانه بالعصر ، وهو الدهر ، لما فيه من  
العبر من جهة مرور الليل والنهار على تقدير الأدوار  
، وتعاقب الظلام والضياء ، فإن في ذلك دلالة بينة  
على الصانع عزّ وجلّ ، وعلى توحيده

**Maksudnya :** “Allah SWT bersumpah dengan masa iaitu waktu kerana di dalamnya terdapat pelbagai pelajaran, dari sudut berlalunya malam dan siang dengan perhitungan putarannya serta pergantian gelap dan terang. Sesungguhnya pada demikian itu terdapat petunjuk yang jelas terhadap Pencipta yang Maha Perkasa, Maha Mulia dan untuk bertauhid hanya kepadaNya. (Rujuk **Tafsir Fathul Qadir**, 8/56).

Al-Maraghi berkata bahawa Allah bersumpah dengan masa kerana di dalamnya terdapat banyak peristiwa dan pelajaran yang dijadikan sebagai petunjuk tentang kekuasaan, ketinggian hikmah dan keluasan ilmuNya. (Rujuk *Tafsir al-Maraghi*, 15/7696).

Allah bersumpah dengan masa kerana ia nadi utama usia manusia. Setiap masa yang berlaku, itulah usia kamu yang telah berlalu. Ini bermaksud, usia kamu semakin berkurangan.

Dalam Sofwah al-Tafasir oleh Syeikh Muhammad Ali al-Sobuni menerangkan bahawa masa adalah diantara penyebab kepada kebahagiaan manusia atau kebinasaannya dalam kehidupan. Ia juga menunjukkan dalil-dalil kepada kekuasaan Allah dan hikmahnya. Justeru, manusia yang bijaksana itu akan mempunyai empat sifat yang dinyatakan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Sifat tersebut dianggap sebagai asas iman. **Asas-asas tersebut ialah iman, amal yang soleh, saling berpesan dengan kebenaran dan berpegang dengan kesabaran.** (Rujuk *Sofwah al Tafasir*, 3/578).

Allah SWT bersumpah dengan masa kerana masa menjadi perkara pokok (utama) bagi manusia. Hal ini menunjukkan apabila manusia berpegang dan beriman (menjaga) dengan masa dengan sebenar-benarnya, maka

kehidupan seorang manusia akan menjadi sempurna. Oleh itu, masa adalah perkara yang paling utama di antara yang perlu dijaga sebagai seorang Muslim.

Di dalam **Tafsir al-Mishbah** menyebut bahawa para ulama' sepakat mengertikan perkataan '*ashr* pada ayat pertama ini dengan waktu. Namun, terdapat perbezaan pendapat diantara para ulama tentang pengertian waktu itu. Oleh itu, penulis tafsir tersebut berkata bahawa pendapat yang paling tepat adalah waktu secara umum.


Seterusnya beliau menukikan daripada Syeikh Muhammad Abduh bahawa Allah SWT bersumpah dengan waktu kerana telah menjadi kebiasaan orang-orang Arab pada masa turunnya al-Quran untuk berkumpul dan berbincang-bincang berkenaan pelbagai perkara dan tidak jarang dalam perbincangan mereka itu terlontar kata-kata mempersalahkan waktu atau masa. "*Waktu sial*", demikian ucapan yang sering kali terdengar apabila mereka gagal, atau "*waktu baik*" jika sekiranya mereka berhasil.

Allah SWT bersumpah demi waktu untuk membantah anggapan mereka bahawa tidak ada sesuatu yang di-namakan waktu sial atau waktu baik melainkan semua waktu adalah sama. Yang berpengaruh adalah kebaikan dan keburukan usaha seseorang dan inilah

yang berperanan dalam baik atau buruknya kesudahan sesuatu pekerjaan. (Rujuk *Tafsir al-Mishbah*, 15/585).

Saya pernah terbaca di dalam satu buku yang menyebut perkataan (العَصِير) itu merujuk kepada kalimah 'asir (عَصِير). Ia juga memberi maksud perahan atau minuman yang diperah seperti air tebu, air mangga dan lain-lain. Ini memberi makna sifat perahan adalah menghabisi sehingga tinggal hanya hampas seperti batang tebu yang telah diperah airnya yang dimasukkan dalam mesin perahan beberapa kali.

Oleh itu, dalam bahasa yang simbolik, *"hai manusia, gunakan masa yang ada pada kamu dan perahlah ia dengan sehabisnya untuk bekalan kamu di hari akhirat kelak kerana dunia destinasi yang sementara sedangkan akhirat itulah matlamat yang bersifat kekal abadi."* Justeru, janganlah kita alpa dengan masa yang berbaki agar apabila tiba masanya kita tidak termasuk dalam nas yang menyebutkan: *"berada dalam kerugian."*



## Tafsir Ayat 2

Imam al-Tabari ketika mentafsir ayat ini menyebut bahawa Saidina Ali RA membacanya dengan:

إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ وَإِنَّهُ فِيهِ إِلَى آخِرِ الدَّهْرِ

**Maksudnya :** “*Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada di dalam kerugian, dan sungguh ia berada di dalamnya hingga akhir masa.*” (Rujuk *Tafsir al-Tabari*, 24/589).


Imam al-Syaukani menjelaskan:

الخسر ، والخسران : النقصان ، وذهاب رأس المال ،  
والمعنى : أن كل إنسان في المتاجر والمساعي وصرف  
الأعمار في أعمال الدنيا لفي نقص ، وضلال عن  
الحق حتى يموت .

وقيل : المراد بالإنسان الكافر . وقيل : جماعة من  
الكفار : وهم : الوليد بن المغيرة ، والعاص بن وائل  
، والأسود بن عبد المطلب بن أسد ، والأول أولى لما  
في لفظ الإنسان من العموم ، ولدلالة الاستثناء عليه

**Maksudnya:** Perkataan (الخسر) dan (الخسران) bererti kerugian dan kehilangan modal. Maknanya ialah bahawa setiap manusia berada dalam posisi berdagang, bekerja, dan menghabiskan umur untuk beramal di dunia, sungguh berada dalam kerugian dan kesesatan daripada kebenaran sehinggalah datang kematian.

Suatu pendapat mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan manusia di sini ialah orang kafir. Ada yang mengatakan sekelompok orang-orang kafir iaitu: al-Walid bin al-Mughirah, al-Ash bin Wa'il dan al-Aswad bin Abdul Muthallib bin Asad. Pendapat pertama lebih tepat kerana kata insan (manusia) mengindikasikan keumuman dan indikasi adanya pengecualian padanya. (*Rujuk Tafsir Fathul Qadir, 8/56*).



Al-Maraghi berkata bahawa sesungguhnya makhluk ini benar-benar mengalami penderitaan seperti kerugian dalam amal perbuatannya, melainkan orang yang dikecualikan oleh Allah SWT. Justeru amal perbuatan manusia itu yang menjadi punca kesengsaraannya, bukannya masa dan tempat. Amalan itulah yang menjerumuskannya ke lembah kebinasaan. (Rujuk **Tafsir al Maraghi**, 15/7697).

Sayyid Qutb berkata: "Hakikat agung yang dikemukakan oleh keseluruhan surah ini ialah: Biar pun sepanjang mana waktu di seluruh zaman dan di sepanjang mana kelangsungan hidup manusia di setiap masa, namun di sana hanya ada satu cara dan satu jalan hidup sahaja yang membawa keuntungan dan keselamatan. Itulah cara dan jalan hidup yang telah dijelaskan sempadan-sempadan dan batu-batu tandanya di dalam surah ini. Selain dari cara hidup ini adalah sia-sia dan rugi belaka. (Rujuk **Tafsir fi Zilal al-Quran**, 17/515).

### Tafsir Ayat 3

Maksud firman Allah (إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ) ialah:

إِلَّا الَّذِينَ صَدَّقُوا اللَّهَ وَوَحَّدُوهُ، وَأَقْرَبُوا لَهُ بِالْوَحْدَانِيَّةِ  
وَالطَّاعَةِ، وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ، وَأَدَّوْا مَا لَزِمَهُمْ مِنْ  
فَرَائِضِهِ، وَاجْتَنَبُوا مَا نَهَاهُمْ عَنْهُ مِنْ مَعَاصِيهِ،

**Maksudnya** : Kecuali orang-orang yang mempercayai Allah, mengesakanNya, mengakui keesaanNya, mentaatinya, melakukan amalan-amalan soleh, melaksanakan kewajiban-kewajiban yang ditetapkan ke atas mereka dan menjauhi segala kemaksiatan yang dilarangNya bagi mereka." (Rujuk *Tafsir al-Tabari*, 24/590).

Imam al-Tabari berkata:

واستثنى الذين آمنوا من الإنسان، لأن الإنسان بمعنى  
الجمع، لا بمعنى الواحد.

**Maksudnya** : Allah SWT mengecualikan orang-orang yang beriman dari kalangan manusia kerana *al-insaan* bermakna jamak." (Rujuk *Tafsir al-Tabari*, 24/590).

Maksud saling berpesan dengan **kebenaran** ialah:

وأوصى بعضهم بعضا بلزوم العمل بما أنزل الله في كتابه، من أمره، واجتناب ما نهى عنه فيه

**Maksudnya** : Mereka saling menasihati untuk mengerjakan amalan, sebagaimana diturunkan oleh Allah di dalam KitabNya, iaitu yang diperintahkanNya dan menjauhi apa yang dilarangnya. (Rujuk *Tafsir al-Tabari*, 24/590).

Manakala maksud saling berpesan dengan **kesabaran** pula ialah:

وأوصى بعضهم بعضا بالصبر على العمل بطاعة الله

**Maksudnya** : Mereka saling menasihati untuk menetapi **kesabaran** dalam melaksanakan ketaatan terhadap Allah" (Rujuk *Tafsir al-Tabari*, 24/590).

# والعصر Masa PELIHARALAH



**M**asa boleh menjadikan sesebuah masyarakat dan negara maju terkehadapan dengan pembangunan *high technology* dan menjadi kuasa besar dunia. Penyusunan masa, *time-management*, *quality times* sangat penting untuk diwujudkan dalam diri setiap individu terutama bagi mereka yang ditakliffkan untuk memegang amanah dan tanggungjawab.

Buku ini menceritakan:

- Betapa masa sangat penting diuruskan dalam kehidupan.
- Menganalisis kepentingan memelihara masa dari pelbagai sudut pandang samada al-Quran, al-Hadis, dan juga pandangan para ulama'.
- Ia turut menyajikan pelbagai kisah-kisah yang sangat mengujakan tentang bagaimana tokoh-tokoh hebat dunia memelihara masa.
- Mengandungi nasihat dan panduan yang sangat berguna dan praktikal untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Selamat menikmati karya penulis yang sungguh menyegarkan ini!

## Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri

Beliau merupakan anak jati negeri Terengganu dan mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin. Selepas tamat pengajian di peringkat Empat Thanawi, beliau menyambung pengajiannya di Universiti Islam Madinah dalam bidang Syariah. Selepas itu, beliau meneruskan pelajarannya ke peringkat Master di Universiti al-Ulum al-Islamiah Wa al-Arabiyah, Syria dan peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Syariah di Universiti Sains Malaysia (USM). Antara jawatan yang pernah disandang ialah Mufti Wilayah Persekutuan 2014-2020 dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal-Ehwal Agama) 2020-2021.



**HOTLINE | 010-357 3529**

[www.pustakacahayakasturi.com.my](http://www.pustakacahayakasturi.com.my)



Pustakacahayakasturi

Masa PELIHARALAH

ISBN 978-967-2028-23-9



Sem. Malaysia RM20.00  
Sabah/Sarawak RM22.00